

PERANAN SARUNG DI DALAM MASYARAKAT MELAYU

PARIDAH BT. ABDUL RAHMAN

NO. K/P ITM: 88619944

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA (FESYEN)

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

1992

## PENGHARGAAN

1. Puan Zaiton bt. Jalaluddin  
Pensyarah Kanan Jabatan Seni Reka Fesyen,  
Kajian Seni Lukis & Seni Reka.
2. En.Najib b. Mohd.Noor  
Pensyarah Seni Reka Fesyen  
Kajian Seni Lukis & Seni Reka.
3. Cik Kalsom bt. Muda  
Ketua Kursus Seni Reka Fesyen  
Kajian Seni Lukis & Seni Reka
4. Nik Hamnah bt. Nik Mohd. Salleh  
No. 7, Jln.Bukit Keramat,  
54000 Kuala Lumpur.
5. En.Hashim Abdullah  
Pusat Karyaneka, Jln. Raja Chulan,  
Kuala Lumpur.
6. Pn.Zubaidah bt. Syawal  
Jabatan Ethnologi, Muzium Negara  
Kuala Lumpur.
7. En.Mohd Jamal b. Abd.Muis &  
Puan Norlela, Muzium Negeri Selangor.
8. Kakitangan Infokraf  
Jln.Raja Hishamuddin,  
Kuala Lumpur.
9. Kakitangan Perpustakaan Negeri Selangor.  
Shah Alam, Selangor.

## SINOPSIS

Tidak dinafikan bahawa pemakaian kain sarung menjadi kebudayaan bangsa Melayu di zaman dahulu seperti juga bangsa-bangsa lain di rantau Asia Tenggara, kepulauan Asia Pasifik, benua kecil India, benua Afrika dan lain-lain lagi. Tetapi kain sarung di alam melayu mempunyai keunikannya yang tersendiri yang tidak terdapat di dalam kain sarung yang dipakai oleh negara-negara lain. Itulah yang mendorong saya untuk memilih kain sarung ini sebagai tajuk tesis saya.

Tujuannya adalah untuk mengkaji apa yang terdapat pada kain sarung itu sendiri dan peranannya di dalam budaya Melayu, kerana ia mempunyai berbagai fungsi dan falsafah yang tertentu yang begitu popular di kalangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Pada setiap rekacorak, ikatan simpulan dan cara memakainya ada nama dan makna yang tersirat yang jarang diketahui oleh generasi sekarang. Untuk kesedaran diri sendiri dan juga untuk direnungi oleh generasi masa kini dan akan datang bahawa kerjatangan dan tenunan orang-orang Melayu zaman dahulu mempunyai kesenian dan kehalusan yang begitu istimewa dan sukar di tandingi oleh tenunan dan buatan sekarang walaupun dengan menggunakan peralatan yang moden dan canggih. Oleh itu dengan kesempatan yang ada, saya cuba menggali dan memaparkan sebahagian daripada khazanah seni kita supaya kita lebih mengenali dan akan timbul rasa bangga dengan warisan seni kita.

Kaedah yang saya gunakan dalam penghasilan tesis ini terdiri dari dua sumber utama iaitu dari Primary data (data asas) dan Secondary data (data tambahan) di mana bahan -bahan didapati daripada nota-nota kuliah, rujukan di perpustakaan seperti buku-buku sastera lama, buku tesis, majalah, artikel dan keratan-keratan akhbar lama.

Selain daripada itu saya juga menjalankan kerja luar untuk pengumpulan data seterusnya dengan menghadiri seminar-seminar yang dianjurkan oleh badan-badan kebudayaan, temubual dengan oarang ramai dan orang perseorangan yang meminati hasil seni lama, juga pemerhatian kepada perkenaan budaya semasa melalui televisyen, akhbar dan pusat-pusat membeli-belah.

Keputusan yang saya dapati dari kaji selidik ini ialah kerja tan- gan orang-orang Melayu dahulu begitu mengagumkan. Adalah begitu sukar untuk saya temui orang yang mengetahui soal kain-kain lama ini dengan lebih terperinci dan tidak ramai yang masih mengamalkan pakaian tradisional melayu lama dan menyimpannya. Walaupun kain sarung masih dipakai sebagai pakaian harian di rumah tetapi ada yang tidak tahu memakaiannya dengan cara yang betul dan bersopan, apatah lagi mengenai motif-motif yang terkandung pada kain tersebut memang tidak pernah dihiraukan. Kain sarung juga sudah tidak dipelbagaikan kegunaannya seperti yang dilakukan oleh orang-orang melayu zaman dahulu.

Kesimpulannya, jenerasi sekarang kurang mengambil tahu dan tidak ramai yang berminat untuk memakai pakaian tradisional Melayu terutamanya kain sarung yang dikatakan remeh cara pemakaiannya dan menganggong pergerakan. Apa yang masih kekal dan boleh dilihat sekarang ini ialah penggunaan kain batik sarung dan songket yang masih dibuat samping oleh pengantin dan dipakai ke majlis-majlis rasmi.

**KANDUNGAN****HALAMAN**

SEKAPUR SIREH	iii
PENGHARGAAN	iv
SINOPSIS	vi
SENARAI SISIPAN	vii
PENGENALAN MASYARAKAT MELAYU SECARA RINGKAS	1
BAB 1	
1.0 ASAL USUL KAIN SARUNG	
1.1 DEFINISI	2
1.2 SEJARAH TEKSTIL MELAYU	3
1.3 PAKAIAN MELAYU	7
BAB 2	
2.0 JENIS-JENIS KAIN DAHULU	10
2.1 KONSEP DAN FALSAFAH DI DALAM REKACORAK SARUNG	24
2.2 PERANAN WARNA DI DALAM TEKSTIL MELAYU	30
BAB 3	
3.0 PENGGUNAAN SARUNG DALAM BUDAYA MELAYU	
3.1 PERANAN SARUNG DI DALAM PAKAIAN MELAYU	36
3.2 PERANAN SARUNG DI DALAM ADAT - ISTIADAT	47
BAB 4	
PERKEMBANGAN SARUNG SEHINGGA MASA KINI	49
HIPOTESIS	52
KESIMPULAN	60
BIBLIOGRAFI	65
GAMBAR UNTUK RUJUKAN	